

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 OGOS 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Utusan menang Anugerah Kecemerlangan Industri – Bio Media	Utusan Malaysia
2.	Malaysia perlu kuasai bioteknologi - Madius	Utusan Malaysia
3.	Syarikat berasaskan bio perlu tingkat usaha untuk kompetitif	BERNAMA
4.	Majlis Penghargaan Bio 2015	Utusan Malaysia
5.	Penyelidik universiti perlu tingkat komersialkan produk baharu	Utusan Malaysia
6.	Bauksit: Jabatan Kimia lengkapkan ujian analisis	Utusan Malaysia
7.	Inno Bio plans RM410m upgrade	Malay Mail
8.	Mosti to boost biotech commercialisation by 2020	Malay Mail
9.	Lapan Negara ASEAN sertai latihan keselamatan siber	BERNAMA
10.	Naib Canselor UMT dianugerahkan pangkat Kapten (kehormat) PSSTLDM	BERNAMA
11.	Boosting Johor biotech industry	New Straits Times
12.	J – Biotech optimis pelaburan RM500j	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 7
TARIKH : 19 OGOS 2015 (RABU)



MADIUS TANGAU (dua dari kanan) menyampaikan trofi dan sijil kepada Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Hassan Mohd. Noor selepas *Utusan Melayu (Malaysia) Berhad* diumumkan sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Industri-Bio Kategori Media Cetak dalam Majlis Penghargaan Bio 2015 di PWTC, Kuala Lumpur, malam tadi. Turut kelihatan, Abu Bakar Mohamad Diah (dua dari kiri) dan Mohd. Nazlee Kamal (kiri). - UTUSAN/HAFIZ JOHARI

Utusan menang Anugerah Kecemerlangan Industri-Bio Media

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Utusan Melayu (M) Berhad memenangi Anugerah Kecemerlangan Industri-Bio bagi kategori media cetak yang julung kali diadakan.

Kemenangan tersebut sekali gus memperkuat lagi jenama *Utusan Malaysia* selaku akhbar arus perdana paling berpengaruh di negara ini.

Anugerah disampaikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau sempena Majlis Malam Perhargaan Bio 2015.

Utusan Melayu diwakili Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Hassan Mohd. Noor. Bagi Anugerah Kecemerlangan Industri-Bio kategori media penyiaran pula diraih TV3.



arahan pula diraih TV3.

Dalam majlis yang sama, Allahyarham Tan Sri Dr. Jamaluddin Jarjis (gambar) diangkat sebagai penerima Anugerah Posthumous bagi menghargai sumbangan besarnya dalam bidang teknologi di negara ini.

Allahyarham yang merupakan individu bertanggungjawab dalam menjayakan projek angkasawan negara diwakili oleh balunya, Puan Seri Dr. Kalsom Ismail.

Selain itu, Sentinext Therapeutics Sdn. Bhd. turut memenangi Anugerah Inovasi-Bio manakala pemilik syarikat Diversatech (M) Sdn. Bhd., Datuk



Dalam majlis yang sama, Allahyarham Tan Sri Dr. Jamaluddin Jarjis diangkat sebagai penerima Anugerah Posthumous bagi menghargai sumbangan besarnya dalam bidang teknologi.

Syed Osman Syed Rashtan memenangi Anugerah Keusahawanan-Bio Terbaik.

Kategori lain yang dipertandingkan ialah Anugerah Pencapaian BioNexus 2015 yang menyaksikan sembilan pemenang.

Pastikan kekal kompetitif di peringkat global

Malaysia perlu kuasai bioteknologi – Madius

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
dan **SITI ROHAIZAH ZAINAL**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 18 OGOS

MALAYSIA perlu mempercepat dan memperkasakan lagi usaha-usaha penerokaan dalam bidang industri berasaskan bioteknologi jika negara ini mahu kekal bersaing secara kompetitif di peringkat global.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau berkata, langkah itu penting kerana bioteknologi merupakan industri strategik yang menyuntik pelaburan berjumlah RM26.7 bilion kepada negara sehingga kini.

Menurutnya, segala usaha itu juga tidak boleh bertangguh jika mahu sasaran sekurang-kurangnya 20 buah syarikat industri bioteknologi tempatan berstatus antarabangsa berjaya dilahirkan menjelang tahun 2020 nanti.

"Kini hanya kurang daripada setahun untuk memasuki fasal ketiga Polisi Bioteknologi Kebangsaan (NBP). Malaysia perlu mempercepat dan memperhebat usaha penerokaan dalam bidang ini untuk terus kekal kompetitif di peringkat global.

"Kita perlu memberi fokus kepada bidang berasaskan bioindustri yang bukan sahaja mampu bersaing tetapi berupaya memenangnya," katanya semasa berucap dalam Majlis Malam Perhargaan Bio 2015 di sini malam ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur; Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Prof. Tan Sri Zakri Abdul Hamid serta Ketua Pegawai Eksekutif Biotech Corp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal.

Dalam perkembangan berkaitan, Madius berkata, kerajaan mahu melihat lebih banyak kerjasama antara pemain industri bioteknologi tempatan dijalinan sebagai salah satu usaha untuk melonjakkan kemajuan bidang itu di negara ini.

Senarai pemenang Anugerah Kecemerlangan Industri-Bio

Kategori & Pemenang

- 1) Anugerah 'Posthumous' **Allahyarham Tan Sri Dr. Jamaluddin Jarjis**
- 2) Anugerah Inovasi-Bio **Sentinext Therapeutics Sdn. Bhd.**
- 3) Anugerah Kecemerlangan Media Industri (Cetak) **Utusan Melayu (M) Berhad**
- 4) Anugerah Kecemerlangan Media Industri (Penyiaran) **TV3**
- 5) Anugerah Usahawan-Bio Terbaik **Syed Osman Syed Rashtan**



Malaysia perlu mempercepat dan memperhebatkan usaha penerokaan dalam bidang ini untuk terus kekal kompetitif di peringkat global."

DATUK MADIUS TANGAU
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

"Saya juga mahu melihat kerjasama antara sektor awam dan swasta yang berkait dengan bioteknologi diperkukuhkan lagi agar kita sama-sama dapat merebut peluang dalam bidang ini," katanya.

Senarai pemenang Anugerah Pencapaian Bio-Nexus

Kategori & Pemenang

- 1) Anugerah Kecemerlangan Bio-Nexus (Agrikultur) **All Cosmos Industries Sdn. Bhd.**
- 2) Anugerah Kecemerlangan Bio-Nexus (Perubatan) **InQpharm Group Sdn. Bhd.**
- 3) Anugerah Kecemerlangan Bio-Nexus (Perindustrian) **Pure Circle Sdn. Bhd.**
- 4) Anugerah Usahawan Bio-Nexus Baharu **JHR Aquaculture Sdn. Bhd.**
- 5) Anugerah Usahawan Bio-Nexus Baharu (Perubatan) **Olipro Biotechnology Sdn. Bhd.**
- 6) Anugerah Usahawan Bio-Nexus Baharu (Perindustrian) **Green & Smart Sdn. Bhd.**
- 7) Anugerah Pencapaian Antarabangsa Bio-Nexus (Agrikultur) **Sunzen Life Sciences Sdn. Bhd.**
- 8) Anugerah Pencapaian Antarabangsa Bio-Nexus (Perubatan) **InQpharm Group Sdn. Bhd.**
- 9) Anugerah Pencapaian Antarabangsa Bio-Nexus (Perindustrian) **Pure Circle Sdn. Bhd.**



Syarikat Berasaskan Bio Perlu Tingkat Usaha Untuk Kompetitif

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Syarikat berasaskan bio Malaysia perlu meningkatkan usaha mereka untuk kekal bersaing dan menjadi kompetitif di peringkat global.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Madius Tangau berkata ini penting bagi memenuhi sasaran mewujudkan sekurang-kurangnya 20 syarikat berasaskan bio tempatan menjelang 2020 di bawah fasa ketiga 'Global Business' Dasar Bioteknologi Negara daripada 2016-2020.

"Justeru, saya berharap dapat menyaksikan lebih banyak kerjasama dalam perkongsian awam-swasta menerusi Program Transformasi Bioekonomi, yang menyediakan peluang bagi kerajaan dan sektor swasta untuk bekerjasama," katanya dalam ucapan tama beliau pada Malam Penghargaan Bio 2015, di sini, Selasa.

Majlis anugerah sulung itu menyaksikan tiga kategori anugerah disampaikan kepada pemain industri dan mereka yang menyumbang dalam memacu agenda bioekonomi Malaysia.

Anugerah tersebut ialah Anugerah Kecemerlangan Industri, Anugerah Pencapaian BioNexus dan Anugerah Kecemerlangan Rakan Kongsi BioNexus.

Majlis tersebut turut menyampaikan Anugerah Anumerta kepada Allahyarham Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis di atas kepimpinan berwawasan beliau dalam membentuk dasar bioteknologi.

Puan Sri Dr Kalsom Ismail, isteri Jamaluddin, menerima anugerah tersebut.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI): MUKA SURAT 2
TARIKH : 19 OGOS 2015 (RABU)

ALBUM HARI INI



MAJLIS PENGHARGAAN BIO 2015

MENTERI Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Madius Tangau (depan, tengah) bergambar bersama para penerima anugerah dalam Majlis Penghargaan Bio 2015 di PWTC, Kuala Lumpur, malam tadi. Turut sama Timbalannya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (enam dari kiri), Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur (enam dari kanan), Pengerusi Biotech Corp merangkap Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Prof. Tan Sri Zakri Abdul Hamid (lima dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Biotech Corp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal (lima dari kiri). - UTUSAN/HAFIZ JOHARI

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 22
TARIKH : 19 OGOS 2015 (RABU)



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH

Penyelidik universiti perlu tingkat komersialkan produk baharu

Oleh **ZAMZURINA AHMAD**
zamzurina.ahmad@gmail.com

KUANTAN 18 Ogos - Para penyelidik universiti perlu meningkatkan peranan dan keupayaan dalam menyokong usaha pengkomersialan produk baharu dengan menggunakan pakai kaedah serta teknologi terkini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, me-

reka juga perlu memastikan persekitaran sesuai bagi menyokong pihak yang sanggup mengambil risiko dalam menghasilkan produk daripada hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Dalam usaha menghasilkan penemuan R&D kepada sesuatu yang boleh dipasarkan, jurutera perlu membangunkan produk dengan pengkhususan tertentu. Terdapat keperluan jurutera untuk mencapai

lebih banyak melalui ilmu perniagaan, tidak hanya terbatas kepada aspek teknikal dan infrastruktur pembangunan teknologi.

"Hanya dengan menyedari bahawa keusahawanan dan kejuruteraan sentiasa akan berpadu, universiti kini perlu berupaya menghasilkan jurutera yang mahir dalam aspek perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan

Antarabangsa Ketiga mengenai Penyelidikan Kejuruteraan Mekanikal (ICMER) 2015 anjuran Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini hari ini.

Yang turut hadir Ahli Lembaga Pengarah UMP, Profesor Dr. Hassan Ibrahim; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Profesor Madya Dr. Rizal-

man Mamat.

Menurut Abu Bakar, pihaknya menyediakan geran untuk pelbagai jenis penyelidikan kepada pihak yang layak dalam melaksanakan R&D di negara ini.

Antaranya, kata beliau, *Science-Fund* untuk membiayai R&D yang mampu menghasilkan idea dan teknologi baharu yang memfokuskan kepada kajian berinovasi dan berimpak tinggi.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 28
TARIKH : 19 OGOS 2015 (RABU)

Bauksit: Jabatan Kimia lengkapkan ujian analisis

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Jabatan Kimia melengkapkan ujian analisis terhadap sampel bauksit dari beberapa lokasi perlombongan logam itu di Kuantan bagi mengenal pasti kandungan logam yang terdapat di dalamnya.

Ketua Pengarahnya, **Ismail Talib** berkata, keputusan ujian tersebut akan diserahkan pada bila-bila masa sebelum pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang membuat tindakan susulan berhubung isu perlombongan bauksit yang berlaku di sekitar kawasan Bukit Goh, Gebeng dan Pelabuhan Kuantan.

"Pihak kami hanya menjalankan analisis sahaja dan keputusan sama ada logam itu berlebihan atau tidak mengikut akta yang ditentukan pihak JAS akan diumumkan nanti.

"Justeru, sebarang tindakan selanjutnya berhubung isu tersebut akan dibuat oleh JAS selaku pihak yang bertanggungjawab," katanya ketika ditemui dalam program Hari Kimia dan Anda 2015 di Ibu Pejabat Jabatan Kimia, di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengarah Bahagian Forensik Jabatan Kimia, Dr. Kamarruddin Asri dan Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Jaminan Kualiti Jabatan Kimia, Baktiar Kassim.

Beliau mengulas mengenai isu perlombongan bauksit yang berleluasa di Bukit Goh, Gebeng



Pihak kami hanya menjalankan analisis sahaja dan keputusan sama ada logam itu berlebihan atau tidak mengikut akta yang ditentukan pihak JAS akan diumumkan nanti."

ISMAIL TALIB
Ketua Pengarah Jabatan Kimia

dan Pelabuhan Kuantan sehingga kegiatannya tidak terkawal, sekali gus menyebabkan pencemaran jalan, udara dan sungai, selain mengundang risiko kesihatan serta kemalangan jalan raya ekoran daripada aktiviti pemunggaan logam tersebut.

Sementara itu, Pegawai Sains Unit Logam Surihan, Jabatan Kimia, **Muhammad Shafudin Saad** berkata, kali terakhir pihaknya menghantar keputusan analisis kepada JAS pada 3 Ogos lalu.

"Sebanyak empat hingga lima sampel diambil dari tempat pengumpulan bauksit di Sungai Penggorak dan Pelabuhan Kuantan untuk dijadikan analisis ujian sebelum keputusannya dihantar secara berkala kepada JAS Pahang," katanya.

Inno Bio plans RM410m upgrade

By Fatihah Rashid
fatihah@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — Inno Bio Ventures Sdn Bhd, in collaboration with Elevation Biopharma Sdn Bhd, will inject investment worth US\$100 million (RM410.93 million) to expand its drug manufacturing facilities in Nilai, Negeri Sembilan.

"We are preparing ourselves for a much bigger role in the future and for that we need to examine our facilities.

"We have agreed to explore and see what is the best way forward for Inno Bio, in terms of expanding our facilities, upgrading our expertise and also

to work on research and development (R&D) for other products in the future," said Inno Bio president Datuk Dr Ahmed Tasir Lope Pihie.

It is currently in the process of getting a concept developed, with the facility upgrade expected to complete in two years.

Inno Bio has entered into an agreement with AJ Research & Pharma for a marketing partnership to market and distribute four biosimilar drugs to Asean.

Tasir said the agreement would enable Inno Bio to focus on R&D, leaving the marketing to AJ Research & Pharma.

"This partnership is all about marketing of products for the

Asean market. We need our partner to help in the Asean market because it is a very specialised business area, and we do not want to dilute our resources or lose our focus in terms of production in Malaysia," Tasir said.

AJ Research & Pharma CEO Javed Ghulam Mohammad said there is huge potential for biosimilars (biological drugs) in the region, especially Southeast Asia.

"Philippines and Vietnam are high population markets, approximately 200 million people in these countries, and we see a big potential for biosimilars.

"Biosimilars are a very technology-driven product, and not

easy to produce — few companies can produce biosimilars so competition does not pick up," he said.

Four products to be marketed and distributed are Rituximab, Trastuzumab, Etanercept and Factor VII. These are expected to contribute to between 60% and 80% of Inno Bio's revenue.

The company expects between 20% and 30% market share in the first year with revenue of between US\$20 and US\$30 million from all four products.

Tasir is confident this target can be achieved, as the products are well-known and internationally proven, with ready demand in the market.

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (MONEY): MUKA SURAT 23
TARIKH : 19 OGOS 2015 (RABU)

Mosti to boost biotech commercialisation by 2020

By Hakim Hassan
hakim@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — The Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti) aims to boost the contribution of the biotechnology industry to Malaysia's gross domestic product (GDP) to 15% by 2030.

Speaking during the launch of the BioMalaysia & Asean Bio-

economy 2015 in Kuala Lumpur, Science Technology and Innovation Minister Datuk Madius Tangau said that 12.2% of the country's GDP comes from the biotech industry, with room for improvement for the sector.

"Bioeconomy contributes RM120.8 billion or 12.2% of the country's GDP in 2013 and it has the potential to grow by 15% in 2030 which will contribute as much as RM181.2 billion

to the economy," he said.

Through the Bioeconomy Transformation Programme (BTP), the biotechnology market has the potential to contribute RM5.87 billion to the country's gross national income by 2020, whilst creating new job opportunities and also attracting investors into the country.

"Currently BTP has a total of 46 high impact projects which are expected to generate gross

national income of RM5.87 billion in 2020, create 25,224 job opportunities and secure cumulative investments of RM18.15 billion by 2020," he said.

He also said that the government is currently looking to tap into the wellness market which has a global market value of US\$3.4 trillion (RM13.9 trillion). He sees that the region has the potential to excel in this market to become a key player.

"The global wellness market is worth US\$3.4 trillion, it is clear that this rapidly growing sector can have a significant impact on Asean's economy.

"Given the wealth of biodiversity in the region, the global shift in healthcare and wellness towards natural products with therapeutic value provides opportunities for Asean to become a significant global player," he said.



Lapan Negara ASEAN Sertai Latihan Keselamatan Siber

PUTRAJAYA, 18 Ogos (Bernama) -- Lapan negara ASEAN mengambil bahagian dalam latihan kursus keselamatan siber di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) yang dihoskan Malaysia, bermula semalam hingga 26 Ogos ini.

Kementerian Luar dalam kenyataan hari ini berkata sebagai Pengerusi ASEAN 2015, [CyberSecurity Malaysia](#) telah dilantik sebagai institusi latihan di bawah MTCP untuk menjalankan latihan keselamatan siber yang pertama.

17 pakar teknologi maklumat dari Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina dan Thailand mengambil bahagian dalam latihan yang bertemakan 'Cyber Security Capacity Building: Cyber Security Compliance, Incident Handling And Assessment Training,' menurut kenyataan itu.

Latihan keselamatan siber merupakan antara kursus yang ditawarkan oleh MTCP, program yang merupakan sebahagian daripada komitmen Malaysia ke arah mengalakkan kerjasama teknikal dalam kalangan negara-negara membangun.

Ia juga bertujuan memperkukuhkan kerjasama serantau dan subserantau serta memupuk semangat berdikari secara kolektif dalam kalangan negara-negara membangun.

-- BERNAMA



Naib Canselor UMT Dianugerah Pangkat Kapten (kehormat) PSSTLDM

KUALA NERUS, 18 Ogos (Bernama) -- Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), **Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar** telah dikurniakan pangkat Kapten (Kehormat) Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM).

Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar berkata pengurniaan pangkat itu adalah sebagai menghargai jasa beliau ketika berkhidmat sebagai **Setiausaha Bahagian di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** satu ketika dulu.

"Beliau adalah orang yang bertanggungjawab menempatkan seorang pegawai TLDM sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian di MOSTI dan beliau telah melaksanakan Ekspedisi Pelayaran Saintifik sebanyak dua kali.

"Penganugerahan pangkat kehormat ini diharap mampu menarik golongan profesional terutama warga UMT untuk menyertai PSSTLDM.

"Ini dilihat mampu menyediakan ruang kepada TLDM untuk mengembangkan lagi budaya maritim yang secara tidak langsung menawarkan saluran untuk mendapatkan sumber tenaga profesional," katanya dalam satu kenyataan Selasa.

Dr Nor Aieni adalah Pegawai Kehormat PSSTLDM yang ke-30 dianugerahkan tauliah pangkat kehormat sejak tahun 1998, dan individu keempat dari UMT.

-- BERNAMA

Boosting Johor biotech industry

UPBEAT: Vibrant 'ecosystems' will help draw more investments, says J-Biotech

AMIR HISYAM RASID
KUALA LUMPUR
bt@mediaprima.com.my

JOHOR Biotechnology and Biodiversity Corp (J-Biotech) is confident that investments in Johor's biotechnology will continue to grow with the vibrant "ecosystems", which complement small and medium enterprises (SMEs) in the industry.

Its chief executive officer Wan Emir Jeffery Wan Abdul Majid was positive of the prospects this year as the Johor state investment arm had managed to attract about RM430

million investments to the state so far. Some of these were from SMEs.

"We target to achieve RM500 million investments by year-end compared with last year's RM37.5 million," he said at the launch of Johor Pavilion, here, yesterday.

Johor Menteri Besar Datuk Mohamed Khaled Nordin said the development of the SME "ecosystem" in the state was vital in fostering the development of bioeconomy as a whole.

He said key performance indicators for the biotechnology industry in Johor for the moment would focus on the involvement of SMEs and job opportunities, adding that the

investments in biotechnology would only come to fruition in the long term.

He said Johor ranked third after Selangor and Kuala Lumpur in terms of number of SMEs in the industry, accounting for 10.7 per cent of 645,000 SMEs in Malaysia.

J-Biotech is collaborating with Majlis Agama Islam Johor for the development of "Halalan Toyylban or clean and halal" analysis lab and with UM Land Bhd for the development of the Johor Biotech Park with a gross development value of RM1 billion.

"The lab will be responsible in making Johor a reference and analysis hub for halal-related matters in the region," Wan Emir said.

The development of the lab will also benefit SMEs due to the availability of easy funding to obtain ha-



Johor Menteri Besar **Datuk Mohamed Khaled Nordin** (right) and J-Biotech CEO **Wan Emir Jeffery Wan Abdul Majid** (centre) visiting a booth at the Biomalaysia 2015 Asean Bioeconomy Conference & Exhibition after launching the Johor Pavilion in Kuala Lumpur yesterday. Pic by **Salhani Ibrahim**

lal certification, product development and quality control.

Wan Emir said the Johor Biotech Park would act as a biotechnology hub providing support services for SMEs.

The signing of memorandums of

understanding between J-Biotech and other parties, such as Majlis Agama Islam Johor, UM Land Bhd, Aliran Budaya Sdn Bhd, Rentas Saga Sdn Bhd and Koref Desaru Leisure Farm Sdn Bhd, has attracted investments worth RM225 million.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 17
TARIKH : 19 OGOS 2015 (RABU)

J-Biotech optimis pelaburan RM500j

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-Biotech) optimis untuk mencapai sasaran nilai pelaburan sebanyak RM500 juta menjelang suku akhir tahun ini.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, sasaran itu semakin dihampiri berdasarkan nilai pelaburan yang diluluskan sejak awal tahun sehingga hari ini sudah mencecah RM430 juta.

"Biopertanian, bioindustri dan bioperubatan merupakan antara sektor yang paling banyak menyumbang terhadap nilai pelaburan J-Biotech.

"Pelaburan ini secara tidak langsung menjadikan Johor sebagai hab perindustrian dan pembangunan

berasaskan bio secara komprehensif," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melancarkan pusat pameran Johor Pavilion sempena persidangan **BioMalaysia dan ASEAN Bioekonomi 2015** di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Terdahulu, beliau dan Ketua Pegawai Eksekutif J-Biotech, Wan Amir Jeffery Wan Abdul Majid menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara J-Biotech dengan beberapa syarikat serta agensi kerajaan termasuk United Malayan Land Bhd. (UMLand) dan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) berhubung pembangunan sektor bi-

oteknologi di negeri berkenaan.

Dalam pada itu, Wan Amir Jeffery mengumumkan J-Biotech dengan kerjasama UMLand akan membangunkan Johor Biotech Park di atas kawasan seluas 142 hektar dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM1 bilion.

Katanya, kawasan tersebut akan menjadi nadi kepada perkembangan usahawan berasaskan sektor bio tempatan, selain menyasarkan menarik kemasukan pelabur dari dalam serta luar negara.

"Johor Biotech Park akan dibangunkan di kawasan Perbandaran Seri Albion di Pasir Gudang dalam tempoh lima hingga tujuh tahun akan datang," ujarnya.